

## **PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEGAWAI FARMASI**

### **1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai Farmasi Gred UF9, UF10, UF12, UF13, UF14

### **2. PERINGKAT ORGANISASI**

Kementerian Kesihatan Malaysia/ Jabatan Kesihatan Negeri/ Hospital/ Klinik Kesihatan.

### **3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab meningkatkan kesihatan rakyat menerusi penyampaian perkhidmatan farmasi dan memperkasakan masyarakat terhadap penggunaan ubat-ubatan berkualiti, selamat dan berkesan.

### **4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

#### **4.1 Bidang Amalan Farmasi Hospital**

##### **4.1.1 Farmasi Ambulatori**

- a. Pembekalan ubat kepada pesakit luar bagi memastikan farmakoterapi pesakit selamat, berkesan dan mencapai kesan terapeutik optimum disamping meningkatkan kepatuhan terhadap pengambilan ubat.
- b. Menyediakan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal bagi pesakit melalui perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan.
- c. Aktiviti Ambulatori Klinikal seperti *Medication Therapy Adherence Clinic* (MTAC) dan Perkhidmatan Farmasi Home Care (PFHC).
- d. Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan farmasi kepada pesakit.
- e. Aktiviti Rawatan Terapi Gantian (RTG) Methadone (jika ada).

#### **4.1.2 Sumber Maklumat Farmasi**

- a. Perkhidmatan maklumat ubat-ubatan, pertanyaan ubat, keselamatan pengubatan dan penggunaan ubat secara berkualiti untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Farmasi adalah di tahap yang terbaik.
- b. Penghasilan serta penyebaran bahan pendidikan dan maklumat ubat-ubatan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan penggunaan ubat secara berkualiti.
- c. Pelaksanaan aktiviti penggunaan ubat berkualiti untuk memastikan kelestarian dan keberkesanan program secara berterusan.
- d. Aktiviti keselamatan pengubatan untuk memantapkan amalan keselamatan pengubatan.
- e. Menyelaras dan memantau laporan kesilapan pengubatan dan *Root Cause Analysis* (RCA) atau yang berkaitan untuk mengenal pasti isu-isu berkaitan keselamatan pengubatan serta kad alahan ubat bagi memastikan pesakit mendapat rawatan yang optimum dan risiko yang minimum.
- f. Menyelaras dan memantau laporan Kesan Advers Ubat (ADR) dan Kesan Advers Berikutan Pelalian (AEFI) untuk mengenal pasti isu-isu keselamatan berkaitan ubat dan vaksin.
- g. Menyedia dan menguruskan formulari ubat-ubatan di hospital berdasarkan Formulari Ubat KKM.

#### **4.1.3 Farmasi Pesakit Dalam**

- a. Pembekalan ubat kepada pesakit dalam bagi memastikan farmakoterapi pesakit selamat, berkesan dan mencapai kesan terapeutik optimum di samping meningkatkan kepatuhan terhadap pengambilan ubat.
- b. Menyediakan perkhidmatan penjagaan farmaseutikal bagi pesakit dalam melalui perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan.

- c. Meningkatkan kecekapan pengurusan bekalan seperti melalui pelaksanaan *Patient's Own Medications* (POMs).

#### **4.1.4 Farmasi Logistik**

- a. Pengurusan farmasi logistik bagi memastikan ketersediaan bekalan perubatan (ubat, bukan ubat, vaksin dan gas perubatan) mencukupi untuk keperluan pelanggan melalui sistem pengurusan yang cekap, terancang dan mengikut polisi pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa.
- b. Menyelaras dan memantau peruntukan, perbelanjaan dan kedudukan semasa inventori bekalan perubatan bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi
- c. Aktiviti pengurusan stor di fasiliti bagi memastikan aktiviti dilaksanakan mengikut polisi, pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa.
- d. Menyelaras dan memantau simpanan bekalan perubatan mengikut tatacara yang ditetapkan bagi memastikan bekalan yang berkualiti dan berterusan.
- e. Memantau prestasi pembekalan dan menilai keberkesanan perkhidmatan bagi memastikan pengurusan logistik berjalan lancar.

#### **4.1.5 Farmasi Pengeluaran Farmaseutikal**

- a. Aktiviti Farmasi Pengeluaran Farmaseutikal dan Prabungkus Ubat bagi memastikan amalan farmasi yang seragam dan mematuhi polisi/ tahap piawaian.
- b. Membekal sediaan steril dengan mengamalkan teknik aseptik mengikut Prosedur Operasi Piawai bagi memastikan produk steril yang berkualiti demi keselamatan pesakit.
- c. Menyelaras dan menyedia nutrisi parenteral, rekonstitusi ubat sitotoksik dan produk radiofarmaseutikal dengan mengamalkan teknik aseptik mengikut Prosedur Operasi Piawai bagi memastikan produk steril yang berkualiti demi keselamatan anggota dan pesakit.

- d. Menyelaras, menyedia dan membekal sediaan bukan steril mengikut Prosedur Operasi Piawai bagi memastikan produk berkualiti.
- e. Menyelaras, melaksana dan memantau aktiviti prabungkus ubat mengikut Prosedur Operasi Piawai bagi memastikan pembekalan ubat yang cekap dan selamat.
- f. Menyelaras, mengendali dan memantau bilik bersih agar mematuhi piawaian bagi menjamin kualiti produk dan keselamatan anggota.

#### 4.2 Bidang Amalan Farmasi Kesihatan Awam

- a. Memastikan aktiviti pembekalan ubat kepada pelanggan dilaksanakan secara betul, selamat dan efisien.
- b. Memastikan kesinambungan bekalan dan kebolehcapaian terhadap ubat-ubatan melalui penyediaan Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi sebagai langkah dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan.
- c. Memastikan kelestarian dan keberkesanan program penggunaan ubat berkualiti melalui pelaksanaan secara berterusan.
- d. Bertanggungjawab dalam pemantauan, pelaksanaan RCA serta penambahbaikan bagi isu-isu berkaitan keselamatan pengubatan melalui pelaksanaan aktiviti Pelaporan AEFI/ MERS/ ADR dan Pengurusan Kad Alahan.
- e. Memastikan penggunaan sumber bekalan perubatan yang optimum melalui kajian keberkesanan kos.
- f. Bertanggungjawab dalam pelaksanaan aktiviti peningkatan kualiti dan pengurusan aduan berkenaan perkhidmatan Farmasi Ambulatori. Memastikan farmakoterapi pesakit adalah selamat, berkesan dan mencapai kesan terapeutik optimum disamping meningkatkan kepatuhan terhadap pengambilan ubat melalui pelaksanaan aktiviti penjagaan farmaseutikal seperti berikut:

- i. Perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan
  - ii. *Medication Therapy Adherence Clinic* (MTAC)
  - iii. Perkhidmatan Farmasi Home Care (PFHC)
- g. Memastikan kesan terapeutik yang optimum dalam aspek farmakoterapi rawatan ketagihan seperti:
  - i. Perkhidmatan pendispensan Methadone
  - ii. Perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan Berhenti Merokok
- h. Memastikan penyampaian maklumat ubat-ubatan dan bahan pendidikan secara berkesan melalui pelbagai medium kepada anggota kesihatan dan pelanggan.
- i. Memastikan aktiviti perolehan serta pengurusan stor dilaksanakan dengan cekap dan selaras dengan polisi, pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa bagi menjamin ketersediaan bekalan perubatan (seperti ubat, bukan ubat, vaksin dan reagen) untuk pelaksanaan aktiviti pencegahan dan perawatan komuniti setempat.
- j. Merancang, memantau dan menyelaras keperluan peruntukan bekalan perubatan bagi memastikan paras inventori berada pada tahap yang optimum.

#### 4.3 Bidang Penguingunaan Farmasi

##### 4.3.1 Pelesenan

- a. Menyediakan khidmat pengeluaran, pembaharuan dan pembatalan lesen A, B, E, permit NaOH dan Permit Bahan Psikotropik mengikut peruntukan Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah dan Peraturannya.
- b. Menyelaras dan melaksanakan aktiviti pemeriksaan termasuk pemeriksaan rutin, tindakan susulan ke atas premis yang dilesenkan dibawah Akta yang dikuatkuasakan meliputi premis dilesenkan di bawah Akta Racun 1952, premis berdaftar (klinik dan hospital), premis yang mengendalikan item (produk/ bahan kimia/ racun/ kosmetik) dikawal di bawah Akta dikuatkuasakan dan premis yang memegang lesen dari Pihak Berkusa Kawalan Dadah (PBKD).

#### **4.3.2 Kawalan Pintu Masuk**

- a. Memberikan khidmat nasihat dan sokongan teknikal serta rundingan kepada Kastam Diraja Malaysia di pintu masuk darat, laut dan udara berkaitan aktiviti saringan konsainmen/ parcel dan pemeriksaan bagasi penumpang yang melibatkan kemasukan atau pengimportan item (produk/ bahan kimia/ racun/ kosmetik) dikawal di bawah Akta dikuatkuasakan.

#### **4.3.3 Perisikan dan Operasi**

- a. Merancang, mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti pengendalian aduan dan maklumat, persampelan, penyaringan dan pemprofilan, risikan dan serbuan ke atas sasaran yang disyaki melanggar Akta dikuatkuasakan bagi yang melibatkan aktiviti perdagangan (penjualan keluaran farmaseutikal, tradisional dan kosmetik) secara konvensional dan di media baharu.
- b. Menyelaras dan melaksanakan aktiviti operasi khas bahan terkawal berdasarkan maklumat penjualan bahan terkawal daripada Ibu Pejabat Bahagian Penguatkuasaan Farmasi.

#### **4.3.4 Siasatan dan Pendakwaan**

- a. Menyelaras dan melaksanakan aktiviti penyiasatan dan pendakwaan kes yang melibatkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta dikuatkuasakan termasuk kesalahan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.
- b. Mengurus dan menyelaras aktiviti pengendalian eksibit yang melibatkan kes siasatan dan pendakwaan yang disimpan di stor eksibit.

### **4.4 Bidang Regulatori Farmasi**

- a. Untuk melaksanakan pendaftaran produk/ skim notifikasi kosmetik melalui penilaian data teknikal, analisa makmal serta kajian dan maklumat yang diterima dari agensi antarabangsa.
- b. Untuk menjalankan ujian analisa, farmaseutikal, mikrobiologikal

dan ujian farmakologikal terhadap ubat-ubatan dan kosmetik untuk menentukan kualiti, efikasi dan keselamatan sesuatu produk.

- c. Untuk melaksanakan pengawalan regulatori terhadap kualiti produk farmaseutikal di pasaran melalui persampelan secara rawak dan menjalankan ujian analisa.
- d. Untuk melaksanakan skim pelesenan terhadap pengilang-pengilang produk farmaseutikal, pengimport dan pemborong termasuk skim pelesenan untuk percubaan kajian klinikal.
- e. Untuk menggalakkan dan membantu pengilang-pengilang produk farmaseutikal tempatan untuk meningkatkan piawai pengilangan setaraf dengan keperluan Amalan Pengilangan Baik seperti yang disyorkan oleh World Health Organisation (WHO).
- f. Untuk menguruskan Program Pemonitoran Kesan Advers Ubat dan menyertai Program Pemonitoran Kesan Advers Ubat Antarabangsa WHO.
- g. Untuk menguruskan skim panggil balik produk bagi produk-produk farmaseutikal yang tidak berkualiti dan membahayakan pengguna.
- h. Untuk menyebarkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan polisi dan berita Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) melalui buletin "Berita Ubat-ubatan" disamping menyediakan perkhidmatan seperti menerangkan kepada orang awam berkaitan proses pendaftaran atas talian, menyampaikan maklumat produk berdaftar dan menjawab segala persoalan berkaitan NPRA.
- i. Untuk menjalankan kajian metodologi dan kajian asas yang bertujuan untuk menilai kualiti, efikasi dan keselamatan ubat-ubatan/kosmetik.
- j. Untuk menyediakan latihan bagi pegawai-pegawai regulatori farmaseutikal, pegawai profesional lain dan pegawai separa profesional melalui skim latihan tempatan atau skim kerjasama antarabangsa.

## **5. HUBUNGAN KERJA**

### **Dalaman**

- a. Pengurusan Tertinggi.
- b. Jabatan Kesihatan Negeri
- c. Hospital
- d. Klinik Kesihatan

### **Luaran**

- a. Semua Kementerian/ Jabatan di peringkat Persekutuan dan negeri, semua agensi/ badan berkanun, semua kerajaan tempatan, individu yang berurus.
- b. Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.
- c. Pertubuhan dan persatuan dalam dan luar negara.
- d. Farmasi komuniti
- e. Syarikat/ kilang farmaseutikal

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

- a. Hospital.
- b. Klinik Kesihatan.
- c. Institusi Kesihatan.

## **7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)**

- a. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Farmasi (Kepujian) yang diiktiraf oleh Lembaga Farmasi Malaysia.
- b. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

## **8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- a. Integriti
- b. Bertanggungjawab.
- c. Profesional.
- d. Penyayang.
- e. Sabar.
- f. Bertimbang rasa.
- g. Berbudi bahasa.

- h. Bekerjasama.
- i. Kebebasan, adil dan saksama.
- j. Kualiti.
- k. Kerahsiaan.
- l. Kompetensi dan ketelitian.
- m. Disiplin diri.

## **9. ANCAMAN/ BAHAYA**

- a. Risiko jangkitan
- b. Risiko kemalangan dalam pekerjaan.
- c. Bahaya bahan kimia dan radioaktif.
- d. Isu integriti.
- e. Tekanan.